

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat perlu menggunakan kebijaksanaan dan bekerja keras untuk membangunkan negara di samping mengekalkan kebudayaan yang membina untuk menjadi bangsa yang kuat di negara yang dihormati.

Perdana Menteri menegaskan rakyat tidak harus membuang masa mendengar hujah-hujah kosong yang tidak membina oleh setengah-setengah pihak kerana ia hanya menghabiskan daya fikiran mereka.

Beliau berkata rakyat perlu menggunakan akal fikiran dan mencari ilham untuk membangunkan negara seperti mengeksploitasi ciri-ciri budaya rakyat di negara ini untuk memajukan lagi sektor pelancongan.

Berucap merasmikan Taman Malaysia Mini

Guna kebijaksanaan untuk bangunkan negara: Dr Mahathir

BH 18 JUL 1986

di Ayer Keroh dekat sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Kerajaan Barisan Nasional sentiasa berusaha menerangkan di jiwa rakyat supaya menggunakan akal fikiran dan bekerja keras untuk membasmi kemiskinan.

Menukar

Sebagai contoh, katanya walaupun Melaka tidak memiliki banyak sumber alam, usaha mesti dicari untuk menarik pelancong supaya

mereka berkunjung dan membelanjakan wang mereka di negeri ini.

Beliau juga menegaskan bahawa ciri-ciri kebudayaan harus berubah mengikut masa dan rakyat hendaklah menyesuaikan kebudayaannya dengan persekitaran.

"Tetapi ini tidak bermakna penyesuaian itu akan menukar peribadi kita sebagai orang Melayu atau rakyat Malaysia.

"Kita harus menukar kebudayaan lama dengan suatu yang baru yang dicipta sendiri atau ditiru dan kita tidak harus kekalkan ciri-ciri lama kalau ia tidak memberi manfaat kepada kita.

"Kalau kita tidak tinggal dalam sebuah rumah yang tidak berbentuk Melayu atau bercirikan rumah Melaka, ia tetap mengekalkan penghuninya sebagai orang Melayu atau rakyat Negeri Melaka.

"Yang menentukan kita Melayu ialah perasaan dan rasa sayang kita kepada negara, bangsa dan agama. Itulah yang menentukan peribadi kita dan itulah yang lebih penting daripada kita berpegang kepada sesuatu yang tua semata-mata kerana ia tua," tegas beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata rakyat harus menyesuaikan diri dengan suasana moden. Mereka perlu mempelajari apa yang ada di dunia ini dan perlu ikut cara moden yang sesuai.

"Kalau kita bersikap begitu, kita dapat mem-

pertahankan kedudukan kita, sebaliknya kalau kita cuba berpegang kepada cara lama, kita akan menjadi kumpulan yang kolot," katanya.

Perdana Menteri juga berkata sebuah parti pembangkang bercadang mengambil tindakan mahkamah sekiranya pilihanraya umum akan datang diadakan pada musim haji.

Katanya, parti pembangkang itu mahu menunjukkan kepada rakyat kononnya ia mengambil berat mengenai ibadat haji tetapi sebenarnya tindakan itu hanya satu "helah politik semata-mata."

"Malah, parti pembangkang berkenaan, pada masa yang sama, menasihatkan anggotanya supaya menanggungkan ibadat haji tahun ini sebagai persiapan kalau-kalau pilihanraya diadakan pada musim haji," kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata demikian ketika merasmikan Bangunan Umno Batu Berendam di sini. Bangunan enam tingkat itu berharga \$2.5 juta.

Beliau berkata, parti pembangkang berkenaan mahu menunjukkan kepada rakyat kononnya mengadakan pilihanraya pada musim haji menjadi satu kesalahan undang-undang tetapi sebenarnya perbuatan mereka menasihatkan anggotanya menanggungkan haji, bercanggah dengan agama.